

**LAPORAN KAJIAN AKHIR
CADANGAN REKABENTUK DALAMAN
GALERI SERAMIK PERAK
NO. 1077 JALAN BRASH, TAMAN REKREASI SULTAN ABDUL
AZIZ, 30350 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
UNTUK PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA**

OLEH :

**AIZUL AZREE BIN ABDUL WAHAB
2001633409**

**Program Senibina Dalaman
Fakulti senibina, Perancangan dan Ukur
Universiti Teknologi Mara
Oct 2004**

ABSTRAK

Bangsa Melayu mempunyai banyak kepandaian terutama dalam bidang kesenian. Kesenian yang dimaksudkan adalah melarik, membentuk dan mengukir merupakan satu aset warisan kebudayaan Melayu yang tidak ternilai harganya.

Walau bagaimanapun, kini tidak ramai yang mengetahui dengan lebih mendalam tentang seni tembikar ini. Keadaan ini mendorong kepada pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia mempergiatkan lagi usaha untuk menarik minat masyarakat terutamanya golongan muda untuk lebih mengenali dan menghargai seni kraftangan bukan sahaja sebagai sebuah pasu atau seramik tetapi sebagai bentuk kesenian warisan yang dapat dijadikan sebagai sumber pendapatan lumayan.

Untuk tujuan ini, pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia memerlukan sebuah **Galeri Seramik Perak** yang bertujuan untuk mempromosi dan memperkenalkan malah memberi maklumat kepada orang ramai.

Tujuan kajian akhir ini adalah untuk menganalisa dan memberi gambaran tentang projek tahun akhir Diploma Rekabentuk Dalaman iaitu projek akhir merekabentuk dalaman untuk sebuah Galeri Seramik Perak. Oleh yang demikian, rekaan ruang dalaman ini merupakan sesuatu yang penting bagi

memastikan ianya menepati keperluan sebuah galeri selain daripada mengikut keperluan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Analisa tapak juga turut dijalankan bagi mengenal pasti keadaan kawasan sekitar tapak yang dipilih. Apabila kajian kes dan analisa tapak telah dijalankan, maka ianya akan memudahkan lagi proses merekabentuk ruang dalaman mengikut konsep serta imej yang ingin ditunjukkan.

Dengan adanya laporan kajian akhir ini, penyampaian maksud dan kehendak projek akhir akan lebih teratur dan lebih difahami khususnya bagi projek rekabentuk dalaman sebuah pusat **Galeri Seramik Perak**.

BAB 1

Pengenalan Projek

1.0 Pengenalan

Mewujudkan satu lagi galeri yang menjual dan mempamerkan hasil kraftangan masyarakat Malaysia sendiri iaitu labu sayong untuk di promosikan kepada pelancong dalam dan luar Negara untuk dijadikan cenderahati ataupun dijadikan tempat penyimpanan air dan hiasan dalaman rumah.

- Ianya agak menarik kerana belum ada lagi mereka yang membuka galeri yang hanya tertumpu pada labu sayong dengan corak terkini dan lebih menarik.
- Labu sayong sebenarnya memiliki banyak jenis antaranya:
 - 1) labu hitam
 - 2) labu panai
 - 3) Labu gelugor
 - 4) Labu tela
 - 5) Labu gombol
 - 6) Labu belalai gajah

Warisan labu sayong ini sebenarnya bermula daripada tradisi cara hidup orang Melayu itu sendiri.

- Memandangkan pengaruh budaya dan dalaman masyarakat Melayu kuat sehingga ke hari ini maka seandainya ia diketengahkan mungkin akan mendapat perhatian umum.
- Memberi satu kelainan dengan membuka galeri menjual dan memberikan informasi dan menyediakan kafe serta demonstrasi oleh pembuat labu sayong.
- Bahan yang dijual adalah:
 - 1) labu sayong
 - 2) Gambar hiasan
 - 3) Lampu hiasan
 - 4) Labu sayong bewarna
 - 5) Lain-lain jenis tembikar